

**PENGUASAAN KEFAHAMAN DAN SINTAKSIS BAHASA
ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR SUL
TINGGI AGAMA MALAYSIA**

HAZWAN BIN ABDUL RAHMAN

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2013**

o/N 9972

1100094921

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu.

tesis
PJ 6023 .H3 2015



1100094921

Penguasaan kefahaman dan sintaksis bahasa Arab dalam
kalangan pelajar sijil tinggi agama Malaysia / Hazwani Abdul
Rahman.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100094921

Lihat Sebelah

PENGUASAAN KEFAHAMAN DAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA

HAZWAN BIN ABDUL RAHMAN

**Tesis ini dikemukakan untuk Memenuhi Syarat
Memperolehi Ijazah Sarjana Sains di Fakulti
Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu**

September 2013

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains

PENGUASAAN KEFAHAMAN DAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA

HAZWAN BIN ABDUL RAHMAN

September 2013

Penyelia Utama : Ismail bin Muhamad, Ph.D.

Penyelia Bersama : Prof. Madya Kamarul Shukri bin Mat Teh, Ph.D.

Fakulti : Pembangunan Sosial

Kefahaman dan sintaksis merupakan dua aspek penting dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Ini kerana tujuan utama daripada perlakuan membaca adalah bagi memahami apa yang dibaca. Dalam masa yang sama, aspek kefahaman juga bergantung kepada baris yang terletak di akhir kata bagi menunjukkan maksud sesuatu ayat terutamanya ayat yang panjang dan kompleks. Dalam melaksanakan kajian ini, pendekatan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan telah digunakan. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti tahap penguasaan kefahaman dan sintaksis Arab. Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada perkaitan dan hubungan yang terdapat antara pemboleh ubah – pemboleh ubah yang berkaitan. Data-data kajian dipungut berdasarkan skor-skor yang diperoleh daripada dua alat pengukuran, iaitu ujian kefahaman dan ujian sintaksis serta dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS) 14.0. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 52 orang pelajar yang mengikuti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Institut al-Quran Terengganu. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa: (1) Tahap penguasaan kefahaman adalah sederhana memandangkan min skor yang diperoleh 53.73%; (2) Tahap penguasaan sintaksis

pula juga berada pada tahap sederhana dengan min skor 73.08%; (3) Penguasaan yang paling tinggi adalah pada konstruk *Ism Majrūr* iaitu 16.36% berbanding konstruk *Maf'ul Bih* dengan min skor 7.58%; (4) Tidak terdapat perbezaan signifikan pada skor kefahaman berdasarkan jantina; (5) Tidak terdapat perbezaan signifikan pada skor sintaksis berdasarkan jantina; (6) Tidak terdapat perkaitan signifikan antara skor sintaksis dengan skor kefahaman; (7) Terdapat perkaitan signifikan antara skor kefahaman dengan skor pencapaian peperiksaan; (8) Terdapat perbezaan signifikan pada skor kefahaman dalam kalangan pelajar pelbagai tahap pencapaian peperiksaan. Implikasi kajian ini adalah dapat menyarankan supaya para pelajar yang sedang mengikuti kurikulum STAM perlu diberi bimbingan dan latih tubi yang sepatutnya sebelum mereka melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat tempatan atau di Timur Tengah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**PROFICIENCY OF ARABIC COMPREHENSION AND SYNTAX AMONG
MALAYSIAN HIGHER CERTIFICATE OF RELIGION STUDENTS**

HAZWAN BIN ABDUL RAHMAN

September 2013

Main Supervisor : Ismail bin Muhamad, Ph.D.

Co-Supervisor : Associate Professor Kamarul Shukri bin Mat Teh, Ph.D.

Faculty : Social Development

Comprehension and syntax are two important aspects in reading skill of Arabic language. This is because the main purpose of reading habit is to comprehend the text. At the same time, comprehension Arabic text also depends on the mark at the end of the word to show the meaning of a long and complex sentences. This is quantitative study which survey was used in order to accomplish the study. The purpose of this study is to identify the proficiency level of reading comprehension and Arabic syntax. In addition, this study also focuses on the relationship and correlation between variables which are related. The data had been collected by the scores obtained from the two measurement devices namely test of syntax and comprehension. The data had been analyzed using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) 14.0. The respondents for this research were 52 students who attended the Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) in Terengganu al-Qur'ān Institute. The research findings show that: (1) the proficiency level of reading comprehension is moderate as the mean scores obtained is 53.73%; (2) The proficiency level of syntax also at a moderate level with scores of 73.08%; (3) the highest level of proficiency is in construct *Ism Majrūr* which is 16.36% compared

with a mean score of *Maf'ül Bih* which is 7.58%; (4) there was no significant difference in comprehension scores based on gender; (5) There is no significant difference in syntax score based on gender; (6) There is no significant correlation between the syntax score comprehension scores; (7) There is a significant correlation between comprehension scores and achievement exams scores; (8) There are significant differences in comprehension scores among students who have different levels of achievement in their examinations. The implications of this study are to suggest that students attending the STAM curriculum should be given guidance and intensive training before they further their education either locally or in the Middle East.